

## Menyoroti Dua Tradisi Pemujaan Laut di Sarawak: *Semah* dan *Kaul*

Analysing the two Sea Worship Ceremonies in Sarawak: The *Semah* and *Kaul*

PAN HUI, CHONG SHIN & REMMY GEDAT

### ABSTRAK

*Makalah ini membincangkan dua tradisi tradisional masyarakat pesisir pantai di Sarawak. Kedua-dua tradisi ini, iaitu semah dan kaul merupakan suatu upacara pemujaan laut yang masing-masing diadakan oleh suku Melayu dan Melanau. Tujuan upacara ini dianjurkan adalah untuk meminta perlindungan daripada kuasa atau semangat laut agar jauh dari wabak penyakit, malapetaka dan murah rezeki. Sesungguhnya kedua-dua suku ini sangat terkenal dengan upacara pemujaan laut kerana mereka merupakan penghuni yang bergantung kepada laut untuk kehidupan. Justeru kerana kini semah telah hampir punah di kalangan suku Melayu, maka makalah ini menyoroti hasil kajian Harrisson (1950) tentang semah oleh suku Melayu di Pulau Satang dan Pulau Talang-talang. Ini disusuli dengan kupasan upacara kaul Melanau dengan data yang dikumpulkan oleh penulis. Di akhir makalah, satu perbandingan telah dibuat untuk mengenal pasti perbezaan dan persamaan kedua-dua upacara ini. Hasil analisis mendapati bahawa kedua-dua upacara ini memaparkan perbezaan yang nyata, namun sifat dasarnya tidak jauh berbeza, misalnya kedua-dua upacara ini diketuai oleh ketua upacara atau dukun, menggunakan sesajen, membacakan mantera, menyembah semangat atau kuasa di laut dan sebagainya. Kajian ini juga telah menunjukkan bahawa pengamalan sesuatu kebudayaan amat berkait rapat dengan lingkungan persekitaran dan hubungan ini telah menjadi sebahagian dari warisan kebudayaan mereka.*

*Kata kunci:* Semah; kaul; Melayu; Melanau; pemujaan laut

### ABSTRACT

*This article discusses two traditional ceremonies on the coast of Sarawak. The Semah and Kaul are two worshipping ceremonies practiced by the Malay and Melanau people in coastal Sarawak. The aim of the ceremonies held is in order to secure protection from the power or the spirit of the sea in averting diseases, disasters and to procure prosperity. These two ethnicities in Sarawak are well known for their sea worshipping ceremonies because they rely on the sea for sustenance. Nowadays however, the semah ceremony is almost forgotten by the Malays, thus this paper shall follow the findings of Harrisson (1950) regarding the practise of semah amongst the Malays of Satang and Talang-Talang islands. This is followed by an elaboration of the kaul ceremony of the Melanau which is wholly based upon the data collected by the writers. At the end of the article comparisons shall be made between the two ceremonies. The result of the analysis finds that both of these ceremonies share some basic characteristics albeit with external differences. For example the two ceremonies are headed by a shaman, uses sesajen, recitation of incantations, worshipping of the force at Sea etc. This study had also found that the practise of a certain culture is closely connected to the environment and this relation has become part of their cultural heritage.*

*Keywords:* Semah; kaul; Melayu; Melanau; sea-worship ceremony

### PENDAHULUAN

Dari segi kedudukan geografi, Alam Melayu terbina daripada ribuan pulau-pulau bersaiz besar dan kecil. Justeru kerana masyarakat Nusantara dikelilingi oleh laut maka aktiviti pemujaan laut diamalkan oleh masyarakat di kawasan pesisir pantai. Contohnya dilaporkan wujud Puja Pantai di Pulau Ketam, Selangor; di Bachok Kelantan, aktiviti Puja Pantai diadakan sekali dalam setiap empat hingga tujuh tahun; di Beserah, Pahang upacara Puja Laut

dilakukan dengan menyembelih kerbau balar untuk pemujaan; begitu juga dengan di Terengganu, kepala kerbau akan diletakkan di atas batu di pantai (Awang & Jeniri 2011). Di Sarawak, juga terdapat upacara yang seumpama. Makalah ini memperkenalkan dua upacara pemujaan laut, iaitu *semah* oleh suku Melayu, dan *kaul* oleh suku Melanau<sup>1</sup>. Frasa “upacara pemujaan laut” ini secara kolokial bermaksud mengadakan aktiviti menyembah “semangat” laut untuk mendapatkan perlindungan. Antara bentuk perlindungan yang diminta seperti

tidak ditimpa musibah ketika menangkap ikan di laut, mendapat hasil tangkapan laut yang banyak, laut tidak bergelora dan sebagainya. Masyarakat yang terlibat dengan aktiviti pemujaan laut adalah masyarakat yang rezeki mereka bergantung kuat pada sumber laut.

### UPACARA SEMAH

Upacara pemujaan laut oleh suku Melayu yang dinamakan sebagai *semah*. Pada masa dulu, upacara ini amat penting untuk komuniti Melayu Sarawak yang rata-ratanya sebagai nelayan. Menurut definisi yang terdapat dalam bahagian glosari buku Harrisson (1970), definisi *semah* adalah “*ceremonies and propitiations often connected with basically pre-Islamic beliefs of paganish character, but observed throughout the southwest by Malays, especially in connection with the seasons, fishing and new activities.*” Dalam konteks Sarawak, *semah* merupakan istilah untuk upacara “membuka muara sungai” untuk musim penangkapan ikan yang baru. Kata ini juga merujuk kepada upacara lain seperti memulakan pelayaran sesebuah perahu baru atau mula menanam padi (Harrisson 1950). Di semenanjung Malaysia, Skeat (1949) mengatakan *semah* atau *menyemah* merujuk kepada upacara yang diadakan untuk memberkati aktiviti-aktiviti seperti *menyemah durian*, *menyemah belat*, memberkati kapal nelayan dan jaring, malah juga aktiviti perlombongan. Di Riau, suku Duano juga mengadakan upacara *semah* laut dalam ritual mencari kerang (Syarifah Rizka 2011). Bahagian ini mengulas artikel Harrisson (1950) tentang upacara *semah* di Pulau Satang dan Pulau Talang-talang. Maklumat ini penting memandangkan upacara ini kian ditinggalkan oleh masyarakat pada zaman sekarang.

### SEMAH DI PULAU SATANG

Pulau Satang merupakan sebuah pulau yang terletak berhampiran dengan Santubong di Sarawak. Menurut catatan Harrisson (1950), *semah* diadakan di pulau ini pada bulan Mac yang diketuai oleh seorang *pawang*, *padukung* atau *tukang semah*. Tukang *semah* berstatus dukun, iaitu orang yang mahir mengamalkan perubatan tradisional dan dipercayai mampu berhubung dengan kuasa-kuasa ghaib di dunia lain. Tukang *semah* yang di wawancarai oleh Harrisson mengaku mempelajari

cara mengendalikan upacara *semah* dari seorang Melayu tua di Saribas. Suku yang terlibat dalam *semah* ini adalah orang Melayu. Walaupun upacara ini lebih kepada kepercayaan animisme dan bertentangan dengan ajaran Islam, namun ia tetap diadakan demi kesejahteraan dan kemakmuran kehidupan orang kampung setempat. Ketua *semah* di pulau ini (yang latar belakang beliau terdiri daripada campuran Melayu dan Melanau) didapati telah menyepadukan *semah* dengan *kaul* Melanau. Dalam upacara *semah*, mantera dibacakan untuk “memanggil” makhluk-makhluk ghaib untuk datang ke darat. Berikut adalah contoh mantera tersebut:

“Hei! Mambang di awan,

Raja Muda

Raja Sultan

Ampat saudara

Minta datang berhimpun di-darat

40 arus di-darat

40 arus di-laut

40 arus di-iler

40 arus di-ulu

Bergumpal-lah semua di-Pulau ini.

Peralatan yang digunakan semasa upacara ini adalah sebatang tiang (setinggi 8 kaki) yang bahagian hujungnya dihiasi dengan daun palma. Tiang ini dinamakan sebagai *puan* dalam bahasa Melayu tempatan. Di bahagian hujung tiang, terdapat satu bahagian (yang bernama *anchak*) digunakan untuk meletak sesajen untuk makhluk ghaib. Makanan yang disajikan di *anchak* adalah seperti beras daripada tujuh jenis warna (kuning, biru, kelabu, merah, oren, putih dan hitam), ketupat, telur dan rokok daun. Selain sesajen untuk makhluk ghaib, makanan untuk orang kampung juga disediakan, misalnya nasi, daging ayam, daging kambing, kari dan sayur-sayuran.

Sehari sebelum *semah*, penduduk akan menyediakan makanan dan membuat persiapan. Pada keesokan paginya, tukang *semah* akan mengetuai perarakan dan membawa *puan* (diiringi oleh pukulan gendang) menuju ke perahu. Kemudian mereka menaiki perahu dan mengelilingi pulau tersebut sebanyak tujuh pusingan mengikut arah lawan jam. Setelah selesai mengelilingi pulau, *puan* tersebut akan dipacak di atas permukaan laut yang cetek. Bermula dari hari tersebut pulau ini akan “berpantang” selama tiga hari dan tiada sesiapa yang boleh mendarat di pulau ini. Namun demikian, pelaksanaan pantang ini tidaklah terlalu ketat.

## SEMAH DI PULAU TALANG TALANG

Pulau Talang Talang terletak tidak jauh dari Pulau Satang (kira-kira 25 batu dari muara sungai Sarawak). *Semah* yang dihadiri oleh Harrisson di Pulau Talang Talang berlainan dengan di Pulau Satang kerana tukang *semah* yang berketurunan Melayu ini mempelajari prosedur *semah* dari orang Iban (juga dikenali sebagai Dayak Laut) di Sebuyau. Pada masa dahulu dilaporkan *semah* di Pulau Talang Talang diamalkan oleh suku Dayak dan Melayu. Pada asasnya, *semah* yang diadakan di pulau ini tidak jauh beza dengan di Pulau Satang. Mereka juga menggunakan *puan*, meletakkan sesajen di *anchak* dan membacakan mantera semasa upacara. Selain itu, *semah* di kedua-dua tempat ini juga melibatkan penyembelihan kambing dan ayam, berpantang setelah upacara dan mengelilingi pulau mengikut arah lawan jam.

Dari segi perbezaannya, dua pondok kecil akan dibina untuk menyajikan sesajen, beras yang digunakan hanya terdiri daripada sejenis warna sahaja, iaitu berwarna kuning, mereka akan menyalakan lilin tetapi tidak menggunakan rokok daun seperti di Pulau Satang. Upacara *semah* di Pulau Talang Talang juga berbeza dari segi waktu mengadakan iaitu pada waktu senja dan pagi sedangkan *semah* di Pulau Satang diadakan pada sebelah pagi sahaja. Di samping itu, upacara di pulau ini juga diadakan dengan mencampurkan unsur-unsur kebudayaan suku Dayak Selakau ke dalamnya, contohnya terdapat tarian *konchong* iaitu tarian yang berasal dari suku Dayak Selakau di Sambas.

Mantera yang dibacakan semasa *semah* di Pulau Talang Talang adalah mengikut arah mata angin. Tempat tukang *semah* berdiri akan dianggap arah utara dan beliau akan menghala ke arah Selatan, Timur, Barat dan membacakan mantera seperti berikut di setiap arah. Berikut adalah kuasa atau semangat yang “dipanggil” melalui mantera ini.

- Marjasi Jin Japar
- Timbak Buei
- Burisan Bujang Andalan
- Pernawa Daya Lundu Daya Selakou
- Bujang Siol Sarikaya
- Puteri Fajar Menyinsing
- Abang Pata
- Tu' Merjan
- Awang Ali
- Datu Ambor Reteh
- Datu Ambor Mayang

Berdasarkan huraian tentang *semah* yang dibuat, nyata bahawa masyarakat yang mendiami kawasan pantai mempunyai amalan pemujaan laut dengan tujuan memohon perlindungan dari kuasa-kuasa ghaib. Sejarar dengan peredaran zaman, didapati adat ini kian ditinggalkan oleh masyarakat. Antara contoh yang paling nyata ialah masyarakat Melayu di Sarawak di mana *semah* jarang diamalkan lagi seperti dulu (Lihat, Harrisson 1950). Jika adapun ia cuma diadakan dalam skala yang kecil dan sederhana. Di Sarawak, tradisi upacara pemujaan laut yang masih dipelihara dan mempunyai kelangsungan adalah *kaul* yang diamalkan oleh masyarakat Melanau.

## UPACARA KAUL

Di daerah Melanau (contohnya Mukah, Oya, Dalat dan sebagainya), setiap tahun akan melalui satu perayaan Melanau yang utama dan penting, iaitu Pesta *Kaul*. Pesta ini, terutamanya di Mukah amat terkenal di dalam dan luar negara. Pada hakikatnya, pesta *kaul* adalah pesta keramaian yang dianjurkan secara rasmi oleh kerajaan untuk mempromosikan pelancongan tempatan. *Kaul* merupakan tradisi pemujaan laut dalam kalangan masyarakat Melanau, khususnya, Melanau *likow* (iaitu suku Melanau yang mengamalkan animism atau beragama Kristian). *Kaul* tradisional merupakan suatu aktiviti pemujaan laut yang menyembah Ipok-Ipok, iaitu dewa-dewa laut sahaja. Ini berbeza dengan pesta *kaul* yang lebih berunsurkan hiburan dan komersil yang bertujuan menarik pelancong. *Kaul* disambut pada awal bulan April setiap tahun, iaitu tahun baru dalam kalendar orang Melanau.

## PRA-KAUL

Pada peringkat persediaan pra-*kaul*, akan diadakan satu mesyuarat yang dihadiri oleh ketua kaum, ketua kampung, bapak *kaul*, ketua adat dan sebagainya. Dalam mesyuarat tersebut, tarikh dan hal-hal yang berkaitan dengan *kaul* akan ditentukan dan diputuskan. Tarikh yang lazim ditentukan adalah pada awal bulan April setiap tahun. Penduduk kampung akan dimaklumkan tentang upacara *kaul* melalui pukulan canang dan orang yang telah ambil maklum tentang acara tersebut dan mula membuat persiapan.

Bapak *kaul* merupakan tokoh yang paling penting dalam upacara tersebut. Beliau biasanya dilantik berdasarkan pengalaman dan pengetahuan

yang mendalam tentang adat resam Melanau dan dia akan mengetuai *kaul*. Beliau juga dipercayai mempunyai kuasa untuk berhubung dengan Ipok-Ipok di alam ghaib melalui bacaan mantera-mantera. Tujuannya adalah supaya Ipok-Ipok dapat melindungi penduduk daripada penyakit, agar tanaman tumbuh dengan subur, lautan menjadi tenang, hasil tangkapan ikan bertambah dan sebagainya. Tidak pasti secara kebetulan atau sebaliknya, usai sahaja upacara *kaul* yang diadakan pada bulan April setiap tahun, yakni di penghujung musim tengkujuh, menyebabkan lautan akan beransur-ansur menjadi tenang dan nelayan biasanya akan memperoleh hasil tangkapan ikan yang lumayan. Menurut bapak *kaul* yang diwawancara, iaitu En. Salman Tuna, kesemua ini adalah berkat daripada Ipok-Ipok yang dipuja.

#### INSTRUMEN BERKAITAN KAUL

Semasa mengadakan pemujaan Ipok-Ipok, instrumen utama yang terlibat dalam upacara *kaul* terdiri daripada:

1. Serahang – Serahang merupakan hantaran yang penting kepada Ipok laut. Mempunyai tujuh batang *tetilip* dan tujuh tiang bendera pelbagai warna dipacak di atasnya dan mengandungi tujuh ekor burung. Serahang ini digunakan untuk meletak makanan-makanan yang digunakan untuk menyembah Ipok laut.



2. Makanan – Makanan yang dihidangkan kepada Ipok-Ipok adalah Nasi Pulut Kuning, Nasi Pulut Putih, Rokok Daun Apong, Sirih Pinang (Beland), Garam Likau, Sagu Biasa, Penyaram, Pa'aih (Kelupis-beras yang dicampur dengan kelapa & ditumbuk halus), Berteh. Sembilan jenis barang-barang ini akan diletak di dalam serahang.



3. Bahan-bahan lain –
  - i. Beras Kuning (ditabur semasa membaca mantera).
  - ii. Lilin (dinyalakan di sekitar serahang).
  - iii. Alat Muzik (Alat muzik yang dimainkan sepanjang perjalanan membawa serahang, penumpang, makanan yang hendak disembah adalah seperti gendang, gelatangan, sanang, dan *tetawiek*.)
4. *Tibow* – Bukan alat untuk menyembah Ipok laut, sebaliknya ia merupakan sejenis permainan yang dimainkan semasa *kaul*. Permainan *tibow* juga berkaitan dengan Ipok-Ipok. Semasa pembinaan *tibow*, mantera berbentuk pantun juga terlibat akan dibaca; lihat keterangan lanjut di Bahagian (c).



5. Mantera – Dibacakan semasa pemujaan oleh bapak *kaul*, iaitu semasa serahang didirikan. Mantera ini dibaca dengan tujuan untuk memanggil Ipok dan memohon perlindungan daripada mereka. Berikut merupakan mantera *kaul* yang dibekalkan oleh bapak *kaul* kepada penulis.

Mantera Kaul 2012  
 Tabik Datuk  
 Tabik Melau Idei Ipuk  
 Meleu Nda Ta'au Adet  
 Meleu Nda Ta'au Petuwak  
 Meleu Nda Ta'au Bahasa  
 Meleu Nda Ta'au Cara  
 Yen Tan Melew Bak Pedengah  
 Bak Gugga, Menggeta'au  
 Kelew Likau Dibak Kala  
 1. Ipuk Alud  
 2. Ipuk Daya  
 3. Ipuk Ba'au  
 4. Ipuk Dibak  
 5. Ipuk Ajok  
 6. Ipuk Abak  
 7. Ipuk Wab  
 8. Ipuk La'an  
 9. Ipuk Pegak  
 10. Ipuk Jakak  
 11. Ipuk Tanak  
 12. Ipuk Segala Ipuk  
 Keman Sama, Pamen Sama  
 Telau Idei Ipuk  
 Melew Menyabek  
 Rezeki Murah  
 Menyabek Doa Diak  
 Diak Apah, Diak Bi'yah  
 Padak Jadi Jekan, Payak, Bubuk Alud  
 Padak Jadi Jekan Daya  
 Padak Jadi Bunga Buak Bak Pebuak  
 Padak Jadi Kayau  
 Padak Jadi Lelamah  
 Padak Jadi Imun  
 Padak Jadi Kebun  
 Lubeng Likau  
 Lubeng Gu'un  
 Lubeng Talun  
 Padak Penok Nyirok  
 Penok Kilak  
 Penok Upak  
 Penok Tadek  
 Bak Kan Anek Sawa  
 Seaw Silau

Seaw Sikau  
 Seaw Isit  
 Seaw Umit  
 Seaw Ieasing  
 Seaw Sadieng  
 Seaw Nau Idei Ipuk  
 Wak Diak Juah Nau  
 Lagak Nau  
 Idok Nau Gak Melew  
 Wak Ja'at Nuwet  
 Padak Pepieng Pegalieng  
 Jauk Kak Petemu  
 Kak Pejumpak Wak Nda Pidah, Nda Diak  
 Pelating Pesiling Jauk  
 Keman Melo Ipuk  
 Keman Pamen Telo Ipuk  
 Keman Sama, Pisak Sama  
 Puk..a..a..a..a..a..a..a..a..a

#### AKTIVITI SEMASA KAUL

Pada hari pemujaan, masyarakat kampung akan membawa serahang, dan makanan, manakala alat muzik akan dimainkan sepanjang perjalanan menelusuri sungai Genai ke sebuah tempat di kawasan hilir, iaitu Kala Dana. Kala Dana dipercayai adalah tempat Ipok-Ipok berkumpul. Sepanjang perjalanan, perahu membawa serahang yang dinaiki oleh bapak *kaul* akan berada di hadapan diikuti oleh perahu-perahu lain. Semua perahu ini dihiasi dengan amat cantik. Alat muzik akan dimainkan sepanjang perjalanan ke Kala Dana. Antara tujuan memainkan alat muzik supaya semua Ipok “turut serta” dalam upacara ini, seperti berkonvoi bersama-sama rombongan mereka ke kawasan hilir.

Hidangan yang dibawa untuk menyembah Ipok-Ipok, kesemuanya adalah makanan yang tidak berdarah (daging ikan dan sebagainya) seperti nasi kuning, nasi pulut, rokok daun, sirih dan sebagainya. Hidangan ini akan dimasukkan ke dalam serahang untuk disembahkan kepada Ipok-Ipok. Pada ketika itu bapak *kaul* akan membaca mantera untuk “memanggil” Ipok-Ipok untuk memakan makanan tersebut. Ipok-Ipok yang disebutkan dalam mantera adalah Ipok laut, Ipok darat, Ipok atas, Ipok bawah, Ipok timur, Ipok barat, Ipok sungai, Ipok hulu, dan Ipok hilir. Kesemua Ipok ini berkaitan dengan fenomena alam di sekeliling masyarakat Melanau. Sambil bapak *kaul* membaca mantera tersebut, beliau akan menabur beras kuning. Tujuan mantera ini dibacakan adalah untuk memohon perlindungan

daripada Ipok-Ipok untuk menjamin keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan penduduk kampung.

Jeniri & Awang (2001) menjelaskan bahawa orang Melanau pada zaman dulu membawa makanan seperti pisang, lelamas, pipus, dieng, kesar, dan sebagainya untuk menyembah Ipok-Ipok. Namun, kajian ini menemui informasi yang berbeza, iaitu penggunaan pisang semasa menyembah Ipok. Informan penulis memberitahu bahawa pisang adalah antara makanan yang dilarang dibawa bersama ketika upacara *kaul* (selain telur dan daging). Pisang, walaupun bukan makanan berdarah tetapi ia dipercayai boleh membawa malang atau nasib tidak baik kepada penduduk. Telur pula, dikatakan berupaya menetas menjadi anak ayam, sehubungan itu, ia juga adalah sejenis makanan berdarah.

Pada masa sekarang, *kaul* bukan satu upacara yang terbatas kepada suku etnik Melanau *likow*. Kini peserta turut merangkumi suku lain di sekitar Mukah, contohnya, Melayu, Cina, Iban dan Melanau Islam. Penganjuran *kaul* di Mukah kelihatan tidak menimbulkan percanggahan keagamaan atau kepercayaan di kalangan masyarakat multi-etnik di Mukah. Untuk penduduk yang beragama Islam semasa upacara *kaul* mereka akan berdoa ikut cara mereka masing-masing. Begitu juga dengan yang beragama Kristian dan agama lain. Doa-doa mereka menjurus kepada satu tujuan iaitu agar kehidupan mereka dapat memperoleh kesejahteraan.

Setelah selesai membaca doa para peserta dan bapak *kaul* akan menjamah makanan yang dibawa masing-masing ke tapak *kaul*. Makanan yang dimakan ini akan dikongsi bersama dan selalunya makanan yang dibawa adalah mencukupi. Menurut bapak *kaul* yang ditemu bual makanan yang dibawa biasanya adalah mencukupi kerana jika tidak mencukupi dikhuatiri Ipok-Ipok akan meradang dan memudaratkan nyawa manusia. Makanan yang tidak habis makan akan ditinggalkan di Kala Dana.

#### PASCA PEMUJAJAN

Setelah selesai pemujaan dan menjamah makanan, penduduk kampung akan kembali ke rumah masing-masing. Terdapat satu pantang larang yang perlu dipatuhi, iaitu serahang dilarang untuk dibawa balik ke kampung. Terdapat satu kes yang berlaku pada *kaul* kali ini (9/4/2016). Salah seorang peserta *kaul* didapati membawa balik serahang, menurut kenalannya peserta tersebut berasa sayang hendak

membuangnya dan ingin membawa balik ke rumah. Dia pun meletakkan serahang itu ke dalam perahunya dan bertolak balik bersama dua tiga orang penduduk lain. Dalam perjalanan balik, walaupun muatan dalam perahunya tidak banyak, namun didapati perahu tersebut amat sukar dikemudikan, seolah-olah ia membawa muatan yang berat. Di rumah, pada waktu malam semasa tidur, dia seolah-olah berasa diganggu sesuatu sehingga tidak tidur dengan lena. Pada keesokan harinya, ketika dia sedang menjemur pakaian kedengaran bunyi berbisik-bisik di telinganya. Setelah itu, dia pun menegur suara tersebut mengatakan supaya jangan mengganggu dia dan kembali ke tempat asalnya.

Selain aktiviti pemujaan, semasa *kaul* masyarakat Melanau juga membina *tibow* yang juga merupakan sebahagian daripada upacara tersebut. *Tibow* merupakan sejenis permainan tradisional berbentuk “buaian” yang dihayun. Ia dibina dengan menggunakan dua batang kayu yang panjangnya kira-kira 30 kaki. Di bahagian tapak, kedua-dua batang kayu akan dipacak ke dalam tanah dalam keadaan yang condong. Di bahagian puncak kedua-dua batang kayu akan bertemu dan berbentuk seperti V terbalik. Bahagian tersebut akan diikat kuat dengan rotan, terdapat sebatang kayu melintang diletakkan di situ untuk menggantung rotan yang digunakan untuk mengayun. Sebuah tangga yang bertingkat akan dibina di samping struktur *tibow* untuk pemain berdiri/duduk semasa menunggu giliran mengayun. Pada kebiasaannya, pemain-pemain adalah terdiri daripada golongan dewasa (lihat Ilustrasi; Sumber: <http://www.kaulmukah.com/interp.htm>). Terdapat juga nyanyian yang berbentuk pantun akan dinyanyikan. Menurut Yasir (1987), setelah *tibow* didirikan seorang akan dipilih untuk membuat ayunan pertama sambil menyanyi lagu yang memuja Ipok *tibow* dengan harapan ayunan-ayunan seterusnya akan berjaya dan dilindungi.

Dalam, baik semasa membina *tibow* mahupun semasa bermain *tibow*, unsur mistik juga terlibat di dalamnya. Semasa membina *tibow*, apabila mendirikan tiang *tibow* pantun yang berbentuk nyanyian akan dinyanyikan untuk menjamin keteguhan struktur *tibow* (agar Ipok-Ipok dapat memberkati pembinaan *tibow*). Berikut merupakan contoh pantun yang dimaksudkan (Yasir 1987):

*Kat kerarat*  
*Keruring udat*  
*Tibow idei pada' mek at*

Terjemahan:

(Ikat kuat supaya tiang tidak putus, melilit melekat, *tibow* ini biar dia sampai berdiri)

Setelah *tibow* siap dibina, pada ayunan pertama, ketua yang mengetuai pembinaan *tibow* akan menyanyikan lagu yang berbentuk pantun juga untuk memuji Ipok *tibow* yang menguasai tiang-tiang, Ipok *itut* yang menguasai papan buaian, Ipok *tagak* yang menguasai tangga di sebelah *tibow*. Selain itu, semasa permainan *tibow* lagu tradisi juga dinyanyikan. Namun demikian, pada masa sekarang budaya lisan ini telah punah dan tidak lagi diamalkan oleh generasi muda. Pada masa yang sama, penutur Melanau sendiri juga didapati menghadapi kesukaran untuk menterjemahkan lagu atau pantun yang penulis

tunjukkan kepada beliau. Banyak kata dan istilah menjadi sangat asing kepada beliau kerana menurut beliau kata-kata tersebut adalah kata arkaik.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, bahagian ini membandingkan ciri-ciri upacara *semah* dan *kaul* yang diadakan oleh dua suku yang berlainan dari segi etnik, kepercayaan, kebudayaan, bahasa dan lokasi persebaran. Sebagai sebuah komuniti yang bergantung rezeki pada laut, apakah persamaan dan perbezaan yang boleh dicungkil dari kedua-dua upacara ini? Untuk memudahkan pemahaman, perbandingan dirumuskan dalam bentuk jadual seperti berikut:

Instrumen	Semah	Kaul
Ketua Sesajen	Tukang semah (pawang atau dukun) Ketupat, telur, rokok daun dan sebagainya.	Bapak Kaul (yang juga berstatus dukun) Nasi pulut kuning, nasi pulut putih, rokok daun apong, sirih pinang, garam <i>likau</i> , sagu biasa, <i>penyaram</i> , <i>pa'aih</i>
Peralatan meletak sesajen	<i>Puan</i> dan <i>anchak</i>	Serahang
Aktiviti Pemujaan	Menggunakan mantera	Menggunakan mantera
Sasaran Pemujaan	Kuasa dan Semangat laut	Ipok-Ipok (Kuasa dan Semangat laut)
Pantang larang	Berpantang selama tiga hari.	Tidak berpantang, tetapi serahang tidak dibenarkan bawa balik.
Aktiviti lain yang terlibat	Disertakan dengan tarian	Bermain <i>tibow</i> .

Daripada jadual di atas, jelas bahawa secara umumnya upacara laut baik yang diadakan oleh suku Melayu atau Melanau memperlihatkan persamaan dari segi bentuknya, misalnya diketuai oleh seorang ketua, menggunakan sesajen untuk menyembah, terdapat alat khas untuk meletakkan sesajen, sasaran yang disembah adalah kuasa dan semangat ghaib, semasa memuja, mantera akan dibacakan oleh ketua semah dan kaul, terdapat pantang larang tertentu yang perlu dipatuhi dan upacara ini juga diiringi dengan aktiviti hiburan tertentu. Namun dari segi perincian, wujud juga perbezaan yang menyerlah kerana kedua-dua suku ini berbeza dari segi budaya, agama, kepercayaan, bahasa dan sebagainya. Contohnya dari segi istilah peralatan meletak sesajen, ia dinamakan sebagai *anchak* dan *puan* dalam dialek Melayu setempat manakala sebagai *serahang* dalam bahasa Melanau. Begitu juga dengan mantera yang dibacakan, komuniti Melayu yang mengamalkan *semah* membaca mantera dalam bahasa Melayu manakala

mantera dalam *kaul* Melanau dibacakan dalam bahasa Melanau.

Secara keseluruhannya, *semah* merupakan upacara pemujaan laut yang telah punah. Masyarakat Melayu tidak mengamalkannya lagi kerana faktor keagamaan dan tiada pewaris untuk ritual ini. *Kaul* dalam masyarakat Melanau sebaliknya masih dipelihara setakat ini terutamanya oleh suku Melanau yang beragama Kristian dan mengamalkan animisme. Namun demikian, gejala-gejala kepunahan mula nampak, contohnya masyarakat Melanau Muslim di Oya sudah jarang mengamalkannya lagi. Kalau adapun, mereka cuma berdoa mengikut kepercayaan agama mereka. Faktor penyebabnya juga berkait dengan keagamaan dan pemodenan sesebuah masyarakat sehingga generasi muda tidak berminat untuk menyambung tradisi tersebut.

#### NOTA

- <sup>1</sup> Data *kaul* Melanau yang digunakan dalam tulisan ini dikumpulkan di bawah projek *Skim Geran Penyelidikan Fundamental* (Kod: FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/8). Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi, selaku pemberi dana dan informan-informan yang terlibat (iaitu En. Tommy Black dan En. Salman Tuna) atas bantuan mereka.

#### RUJUKAN

Harrison, T. 1970. *The Malays of south-west Sarawak before Malaysia: a socio-ecological Survey*. Macmillan: London.

Pan Hui  
Calon Sarjana Persuratan  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
E-mel: 674519251@qq.com

Chong Shin  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
E-mel: chongshin@ukm.edu.my

Remmy Gedat Ph.D  
Pusat Pengajian Bahasa  
Universiti Malaysia Sarawak.  
E-mel: remm2111@gmail.com

Diserahkan: 13 Oktober 2017  
Diterima: 17 Oktober 2016

- Harrison, T. 1950. The Sarawak Turtle Islands' "Semah". *Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. Vol. XXIII (Part III): 105-123. <http://www.kaulsemah.com/interp.htm> 6 Mei 2016.
- Jeniri Amir & Awang Azman Awang Pawi. 2001. *Kaul: Suatu interpretasi sosio-budaya*. Kota Samarahan: Penerbit UNIMAS.
- Skeat, W.S. 1949. Semah (Menyemah). *Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. Vol. XXII (Part I): 181-182.
- Syarifah Rizka Zahria. 2011. Ritual menongkah kerang pada suku Duano di Desa Sungai Bela, Kecamatan Kualah Indra, Kabupaten Indragiri Hilir. Tesis Sarjana Muda. Universitas Islam Riau.
- Yasir Abdul Rahman. 1987. *Melanau Mukah: Satu kajian budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.